

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT PERTAMA 2018, PENGGAL KEENAM**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YBHG. DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM**  
**BIN HAJI IBRAHIM**  
**KAWASAN : KUALA SELANGOR**  
**TARIKH : 28 MAC 2018**  
**NO. SOALAN : 147**

**SOALAN**

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah langkah strategik yang telah dirancang oleh pihak Kementerian bagi memastikan ekonomi dan nilai dagangan negara kekal mapan bagi menghadapi Revolusi Perindustrian 4.0.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sedang memperhalusi Dasar Nasional mengenai Industri 4.0 yang akan diumumkan pada pertengahan tahun 2018. Dasar ini digubal untuk menyokong hasrat negara dalam menerajui Industri 4.0 sebagai pemangkin yang dapat meningkatkan produktiviti, kualiti pengeluaran dan kecekapan operasi industri yang seterusnya menyumbang kepada pembangunan mapan ekonomi negara. Strategi dasar ini adalah

berteraskan pembiayaan inovatif dan insentif, infrastruktur digital dan ekosistem, pengawalseliaan dan penerimaan industri, kemahiran dan modal insan, serta capaian teknologi pintar bagi memastikan ekonomi dan nilai dagangan negara kekal mapan. Langkah-langkah strategik yang terkandung dalam Dasar Nasional Industri 4.0 juga bertujuan untuk:

- (i) meningkatkan sumbangan sektor pembuatan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK);
- (ii) meningkatkan produktiviti dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan pembuatan untuk mencapai kecekapan kos optimum;
- (iii) meningkatkan eksport barangan bernilai tambah tinggi dan kompleks;
- (iv) meningkatkan keupayaan Malaysia sebagai pembekal teknologi dan penyelesaian (*solutions*) industri; dan
- (v) mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi.

Dasar Nasional ini adalah penting dalam memastikan sasaran pertumbuhan negara pada 5.1% setahun untuk sektor pembuatan dan 6.9% setahun untuk sektor perkhidmatan sepertimana yang telah ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dapat dicapai dengan jayanya.